

Kerajaan Selangor tutup mata

» Pasukan khas ditubuh tidak fungsi, kegiatan curi terus berlaku

Oleh Wan Noor Hayati Wan Alias
wanti@bh.com.my

Kuala Lumpur

Kegiatan curi pasir di kawasan bersebelahan kuari Sungai Long, dikesan terus berlaku selepas enam bulan ia didedahkan akhbar ini, meskipun pasukan petugas khas Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) sudah ditubuhkan bagi menanganinya.

Berikutan itu, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor, Datuk Seri Noh Omar mempersoalkan fungsi pasukan petugas khas itu dan menuntut kerajaan negeri mengumumkan jumlah individu yang sudah didakwa.

Katanya, pasukan khas itu juga perlu mendedahkan dalang yang melindungi dan menyalah kuasa sehingga mengaut keuntungan berlipat ganda di sebalik kegiatan ini.

“Kita percaya kegiatan rasuah dan melindungi jenayah curi pasir masih berlaku. Kita harap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyasiat kes ini sehingga ke akar umbi, termasuk siapa yang menjadi wayang di belakang sindiket,” katanya ketika ditemui di tapak lombong pasir haram itu, semalam.

Kegiatan sindiket itu dikesan dalam operasi bersepadu selama tiga jam, bermula jam 2 pagi semalam, membabitkan SPRM, Jabatan Imigresen, Tenaga Nasional Berhad dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Sebuah tangki berisi 500 liter minyak diesel bersubsidi ditemui di tapak lombong berkenaan, selain bekalan tenaga elektrik dikesan dicuri untuk kegunaan pekerja di rumah kongsi.

Tanah kerajaan dan milik per-



Lagi sindiket pasir haram kaut RM12.48j setahun

Bayar tont secara bulanan lindungi aktiviti elak diserbu

Oleh Wan Noor Hayati Wan Alias
wanti@bh.com.my

Wan Langat

Operasi tanpa permit dikejutkan

Semesta Sdn Bhd (KSSB) untuk tuntutan royalti.

Unit kerja di kawasan ini telah ditubuhkan. BH melaporkan bahawa kerajaan Selangor telah berunding dengan beberapa pihak untuk membolehkan aktiviti ini dijalankan dengan lebih teratur. Kerajaan Selangor juga telah berunding dengan beberapa pihak untuk membolehkan aktiviti ini dijalankan dengan lebih teratur.

Sumber memberitahu, pejabat sindiket yang ditubuhkan itu beroperasi secara bulanan dan membayar royalti kepada KSSB. Sumber juga memberitahu, pejabat sindiket yang ditubuhkan itu beroperasi secara bulanan dan membayar royalti kepada KSSB.

Kuari Pasir yang ditubuhkan pada 15 Disember 2013.

Kegiatan lombong pasir terus dikesan di kawasan ini. Kerajaan Selangor telah berunding dengan beberapa pihak untuk membolehkan aktiviti ini dijalankan dengan lebih teratur.

Haris Pandey, KSSB berkata, pihaknya telah berunding dengan beberapa pihak untuk membolehkan aktiviti ini dijalankan dengan lebih teratur.

Keratan akhbar BH pada 17 Disember 2013.

sendirian dengan keluasan lombong pasir haram seluas 60 hektar itu beroperasi tanpa permit dan doket sah sama ada untuk pengeluaran pasir atau bahan buangan kuari, mengaut keuntungan sehingga RM12.48 juta setahun iaitu RM52,000 sehari.

Doket adalah dokumen pe-

mindahan bahan batuan dikeluarkan pihak Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) dan dikutip oleh Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) untuk tuntutan royalti.

Tinjauan BH mendapati ada lapan jentera pengaut, empat lori hantu, dua pam pancut air dan satu lokasi pencucian pasir di

tapak lombong itu yang dipercayai sudah beroperasi lebih setahun lalu.

Pada 15 Disember lalu, BH melaporkan sindiket curi pasir di lokasi berkenaan dikesan beroperasi lebih setahun lalu dan bertukar tangan sindiket beberapa kali setiap kali serbuan dibuat.

Dalam pada itu, Ketua Unit Tindakan Imigresen Putrajaya, Abd Malik Bujang, berkata dalam operasi itu, lima pekerja asing ditahan selama 14 hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 6(1)(c) kerana tidak memiliki dokumen perjalanan.

“Hasil pemeriksaan ke atas 32 warga asing di lokasi berkenaan, empat lelaki warga Indonesia dan seorang lelaki warga Myanmar berusia antara 23 hingga 35 tahun ditahan dipercayai bekerja untuk sindiket,” katanya.

Sementara itu, Ketua Penolong Kanan Penguasa SPRM Putrajaya, Mohd Yusoff Zakaria, berkata kegiatan itu menyebabkan kerajaan negeri kerugian berganda berikutan penyeludupan diesel, kecurian tenaga elektrik dan tuntutan royalti pengeluaran pasir.

“Lebih teruk, proses pemberian pasir tidak mengikut spesifikasi sehingga berlaku mendedakan lumpur menyebabkan punca banjir kilat di Hulu Langat,” katanya.